

**Najib Ketuai Delegasi Malaysia Ke Sidang Kemuncak Asean Dan Sidang Kemuncak Berkaitan
Bernama
16 November, 2012
Oleh Jamaluddin Muhammad**

PHNOM PENH, 16 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak akan tiba di sini esok untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke-21 dan Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dijadual tiba pada pukul 9 malam (10 malam waktu Malaysia).

Najib akan mengetuai delegasi Malaysia antara lain terdiri daripada Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed pada mesyuarat tiga hari bermula Ahad ini.

Anifah Jumaat berkata Najib dijangka menonjolkan antara lain Gerakan Kesederhanaan Global, isu-isu Laut China Selatan dan Palestin semasa mesyuarat di sini.

"Sidang Kemuncak Asean akan memberi peluang kepada pemimpin Asean meneliti dan mengkaji semula usaha mereka dalam merealisasikan Komuniti Asean menjelang 2015," katanya.

Salah satu isu utama pada Sidang Kemuncak Asean Ahad ini ialah penerimaan pakai Deklarasi Hak Asasi Manusia Asean, mencerminkan komitmen bersama dan aspirasi gagasan 10 negara anggota Asia Tenggara itu bagi menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia.

Pemimpin Asean juga dijangka melancarkan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau, sebuah inisiatif membabitkan Asean dan enam rakan dialognya iaitu China, Jepun, Korea Selatan, India, Australia dan New Zealand, dengan bertujuan mengembangkan proses integrasi ekonomi serantau.

Semasa Sidang Kemuncak Asean ke-21 dengan tema 'Satu Komuniti, Satu Tujuan' di Istana Keamanan di sini, pemimpin juga akan melancarkan Institut Asean Bagi Keamanan dan Perdamaian (AIPR).

Anifah berkata sidang kemuncak itu juga dijangka melantik Setiausaha Agung Asean yang baharu, Le Luong Minh, Timbalan Menteri Luar Vietnam, bagi tempoh penggal 2012-2017, bagi menggantikan Dr Surin Pitsuwan.

Sidang-sidang kemuncak berkaitan pada Isnin ini termasuk Sidang Kemuncak Asean-Jepun ke-15, Asean-Republik Korea ke-15, Peringatan Asean Campur Tiga, Asean-India ke-10 dan Sidang Kemuncak Asean-China ke-15 serta Mesyuarat Pemimpin Asean-Amerika Syarikat Keempat.

Presiden Barack Obama dijadual menghadiri Mesyuarat Pemimpin Asean-Amerika Syarikat.

Anifah berkata Najib akan menghadiri Dialog Global Asean pada Selasa ini dengan ketua-ketua Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Pembangunan Asean (ADB) dan Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD).

Najib dan Obama juga dijadual menyertai Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Ketujuh, antara

lain, menyentuh respons serantau untuk kawalan malaria dan menangani usaha daya tahan ubat-ubatan anti malaria.

Di luar sidang kemuncak tersebut, Najib juga dijadual mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri China, Wen Jiabao, Presiden Myanmar Thien Sein dan Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Tan Dung.

Najib dijadual pulang ke tanah air selepas mesyuarat itu pada Selasa ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709537>